



## YA ALLAH, JADIKANLAH RAMADHAN INI YANG TERAKHIR TANPA KHILAFAH!

Sya'ban sudah mula melabuhkan tirainya dengan meninggalkan seribu satu kenangan pahit kepada umat Islam yang masih berada dalam keadaan terhina dan terpecah-belah. Ramadhan 1432H mulai menyingsing dengan seribu satu harapan di hati-hati pencintanya agar di bulan yang mulia lagi penuh keberkatan ini, fajar kemenangan segera terbit bagi menghilangkan segala keduakaan yang melanda umat ini sejak sekian lama. Tubuh umat ini telah berpuluh tahun lamanya menderita kesakitan, terlantar tidak bermaya dek bermacam musibah yang menyimpannya dari luar dan dalam. Dalam menahan segala kesakitan yang dialami itu, dengan izin Allah SWT, masih terdapat sisa-sisa kekuatan dalam tubuh umat ini yang tidak pernah berdiam diri dan senantiasa melawan segala penyakit yang cuba merosakkannya. Walaupun sukar kerana sedikitnya kekuatan yang dimiliki berbanding banyaknya musuh yang menyerang, namun perlawanan itu sudah mula menampakkan hasilnya. Ini kerana kekuatan luarbiasa yang dimiliki oleh tubuh ini dibantu oleh Pembuatnya Yang Maha Kuasa. Maka tubuh ini semakin hari semakin menguat dan penyakit yang dialaminya semakin hari semakin pulih manakala musuh yang menyerang pula semakin hari semakin melemah dan semakin hilang arahnya. Tubuh yang perkasa ini sudah mula bangkit dari pembaringan selama ini dan kebangkitan ini tidak pernah disangka oleh musuhnya. Ya, ia sudah mula menampakkan kekuataannya baik dari segi semangat mahupun fizikalnya. Pihak musuh, walaupun sudah mula goyah, masih tetap memberikan perlawanan yang bertubi-tubi, namun, setiap perlawanan itu hanya semakin melemahkan diri mereka sendiri. Pihak musuh sudah mula menyedari bahawa saki-baki kekuatan yang ada pada mereka sesungguhnya tidak lagi mampu bertahan dan akan hancur sepenuhnya apabila gergasi yang mereka 'kerjakan' selama ini bangkit sepenuhnya. Mereka kini hanya menghitung hari menuju perkuburan mereka. Tahun berganti tahun dan bulan berganti bulan, kekuatan yang dimiliki oleh umat Islam sudah tidak dapat dibendung lagi. Apatah lagi di bulan Ramadhan yang penuh berkat, bulan di mana umat Islam 'dicaj' sepenuhnya dan yang ikhlas di antara mereka dilindungi oleh Rabbnya dari syaitan yang direjam. Inilah bulan di mana umat Islam semakin sedar bahawa mereka adalah umat yang satu dan menjalankan ibadah yang satu, puasa mereka satu, berbuka mereka satu serta tarawih (solat) mereka satu. Sesungguhnya musuh tidak akan mampu untuk memisahkan 'kesatuan' ini. Cuma, apa yang perlu disedarkan dari umat ini agar mereka pulih sepenuhnya dari segala kesakitan ini adalah bahawa mereka seharusnya mempunyai pemimpin yang satu dan negara yang satu yakni Negara Khilafah yang dipimpin oleh seorang Khalifah!

Sesungguhnya vaksin atau antibodi yang paling berkesan dalam memulihkan umat ini dari penyakitnya yang kronik adalah 'Khilafah'. Inilah satu-satunya kelemahan yang masih ada dalam umat ini yang menyebabkannya terpecah-belah. Inilah juga yang membezakan umat Islam sekarang dengan umat Islam generasi terdahulu sebelum umat ini jatuh sakit. Umat Islam terdahulu memiliki seorang Khalifah dan hidup bernaung di bawah kekuasaan Khilafah. Sejak zaman Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, umat Islam berada di bawah Daulah Islamiyyah yang satu dan diteruskan lagi kesatuan ini di bawah pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin. Umat Islam, ketika berada di bawah pemerintahan Khilafah, telah menjadi umat yang terbaik, terkuat, tersohor dan dimuliakan oleh Allah SWT. Mereka menakluki dunia dengan Islam, mereka memberikan kesejahteraan kepada dunia dengan Islam, mereka membawa rahmat Allah ke seluruh dunia dengan Islam, mereka menjadi kuat dan mulia dengan Islam. Itulah hakikat umat Islam yang bersatu di bawah Khilafah satu ketika dahulu! Namun, setelah jatuhnya Khilafah pada 28 Rajab 1342H (3 Mac 1924), segala kekuatan dan kemuliaan itu turut tercabut dari umat Islam. Justeru, tidak ada cara lain lagi untuk mengembalikan posisi umat Islam kepada sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia, kecuali dengan menyatukan semula umat ini di bawah Daulah Khilafah. Inilah yang membezakan antara Ramadhan pada zaman Rasulullah SAW serta generasi setelahnya dengan Ramadhan pada zaman kita sekarang. Rasulullah SAW dan generasi sesudahnya menjalani Ramadhan di bawah naungan kepemimpinan Islam, manakala sekarang, kaum Muslimin mengharungi Ramadhan di bawah penindasan para pemimpin yang zalim yang tidak menerapkan Islam sebaliknya memaksakan undang-undang kufur ke atas kita semua. Seandainya umat ini bersatu di bawah Khilafah, maka *Insya Allah* segala perpecahan dan penderitaan umat ini akan segera berakhir dan diganti dengan segala kebaikan dan rahmat.

Seandainya ada Khilafah, maka menjelang awal Ramadhan, Khalifah dengan serius akan mempersiapkan usaha *me-rukyah* (melihat) *hilal* (anak bulan) Ramadhan, sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah SAW di dalam hadis-hadis baginda. Khalifah akan mengerahkan para ulama, ahli falak dan pakar astronomi di seluruh penjuru dunia baik yang berada di dalam Negara Khilafah ataupun di luar untuk *merukyah hilal*. Segala teknologi akan digunakan untuk kepentingan Islam dan kaum Muslimin. Siaran langsung acara *rukyatul hilal* dari seluruh dunia dapat dibuat dan disaksikan sebagaimana siaran langsung pertandingan bolasepak di era Jahiliyah yang kita saksikan sekarang. Kemungkinan detik-detik terlihatnya *hilal* dapat disaksikan oleh kaum Muslimin di seluruh dunia.

Setelah terlihatnya *hilal* di mana-mana pun bahagian dunia ini, maka Khalifah akan segera mengumumkan masuknya 1 Ramadhan atau sekiranya *hilal* tidak kelihatan, maka bulan Sya'ban digenapkan kepada 30 hari dan Khalifah akan mengisytiharkan tarikh puasa untuk kaum Muslimin seluruh dunia, tanpa mengira batas sempadan sesama Islam, yang sudah tidak lagi wujud di waktu itu. Siaran langsung *khutbah* (ucapan) Khalifah akan dipancarkan sama ada melalui televisyen, radio mahupun internet oleh *Da'irah al-'Ilami* (Jabatan Informasi) dari ibunegara Khilafah yang akan dapat disaksikan dan didengar melalui satelit oleh kesemua umat Islam di seluruh belahan dunia. Dengan kecanggihan sains dan teknologi yang ada, yang *Insya Allah* akan dimanfaatkan untuk Islam keseluruhannya, maka seluruh dunia, baik dunia Islam mahupun dunia kafir akan dapat melihat keagungan pemerintahan Islam dan penyatuan umat Islam di dalam menyambut Ramadhan.

Tatkala itu, umat Islam menyambut Ramadhan dengan penuh kegembiraan di mana mereka akan mula berpuasa pada hari yang

sama, 1 Ramadhan yang sama untuk kaum Muslimin. Sekiranya terjadi perbezaan pendapat sekalipun dalam menentukan awal dan akhir Ramadhan, namun hal ini dapat diatasi dengan mudah berasaskan aqidah Islam di mana perintah Imam/Khalifah itu wajib ditaati berdasarkan kaedah syarak yang telah menyatu dalam hati umat, "*amru Imam yarfa'ul khilaf*" (*perintah Imam/Khalifah menghilangkan perbezaan*). Sebagaimana umat Islam taat kepada pemerintah mereka yang zalim yang ada sekarang di dalam memulai tarikh 1 Ramadhan, maka *Insya Allah* adalah jauh lebih mudah dan menggembirakan bagi umat Islam untuk taat kepada perintah Khalifah yang adil dan bertakwa yang akan menentukan tarikh 1 Ramadhan di bawah naungan Daulah Khilafah.

Setelah selesai solat maghrib berjamaah di malam 1 Ramadhan yang diimami oleh sang Khalifah, beliau pun akan berkhotbah kepada umat Islam, sebagaimana Rasulullah SAW berkhotbah (yang juga diikuti oleh Khalifah Umar al-Khattab ra) yang intinya mengingatkan kaum Muslimin tentang keutaman bulan Ramadhan di mana pahala akan

### MUNAQASHAH (DISKUSI)

**"BOLEHKAH MEMERANGI PEMERINTAH YANG ZALIM?"**

**Tarikh: 21 Ogos 2011 (Ahad)**

**Tempat: Khilafah Centre, No. 47-1, Jalan 7/7A, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, Selangor (Tel: 03-8922 3149)**

**Masa: 8.30 pagi - 12.30 tghari**

**Ahli Panel: (1) Ust. Abdul Hakim Othman (Presiden HTM)  
(2) Ust. Umar Hussein (Timb. Presiden HTM)**

**= Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir, Masuk Percuma =**

dilipatgandakan, bulan kesabaran, bulan pertolongan Allah kepada hambaNya, bulan keampunan (*syahrul maghfirah*) dan bulan *jihad fi sabilillah*. Melalui khutbah yang disiarkan secara langsung ini, Khalifah akan mendorong umat Islam untuk melaksanakan amalan wajib di bulan Ramadhan dan memperbanyakkan amalan sunat seperti membaca Al-Qur'an, solat tarawih, memperbanyakkan sedekah, menuntut ilmu dan lain-lain lagi. Rakyat Daulah Khilafah pun akan khusyuk mendengar khutbah dan nasihat dari Khalifah, sebuah khutbah yang bukan untuk meraih manfaat dunia atau dipenuhi hipokrisi sebagaimana khutbah para pemimpin umat Islam hari ini. Khutbah ini akan pasti menggentarkan jiwa musuh-musuh Islam yang mendengarnya.

Seandainya ada Khilafah, sesungguhnya bulan Ramadhan ini tidak akan kita isi hanya dengan menahan lapar dan dahaga, membaca Al-Qur'an atau solat tarawih berjamaah, tetapi juga akan diisi dengan berperang di jalan Allah SWT (*jihad fi sabilillah*). Sebagaimana Rasulullah SAW yang telah memobilisasi umat Islam untuk berjihad dalam perang Badar dan Fathu Makkah pada bulan Ramadhan, maka pada bulan yang sama, Insya Allah Khalifah akan menggerakkan umat Islam di seluruh penjuru dunia, menggerakkan tentera-tentera Islam yang sekian lama 'dimandul' dan 'dibaculkan' oleh para pemimpin sekarang, untuk segera meraih kesyahidan atau kemenangan, dengan membebaskan negeri-negeri Islam yang masih dijajah oleh negara-negara imperialis. Umat Islam bersama jutaan tentera Islam yang terlatih yang terdiri dari pelbagai bangsa, bermacam ras dan warna kulit, dari pelbagai benua, bergerak bersama-sama di bawah komando sang Khalifah ke Palestin, Iraq, Afghanistan, Kashmir, Selatan Thailand dan lain-lain bagi menyahut seruan Allah dan RasulNya. Ramadhan akan diisi dengan salah satu amalan yang paling mulia yakni *jihad fi sabilillah* tanpa bisa dihalangi oleh nasionalisme yang selama ini membelenggu dan Khalifah akan 'mempersetankan' PBB yang selama ini menjadi penghalang. Tatkala itu, gementarlah jantung orang-orang kafir musuh Islam, pucat-lesilah wajah-wajah mereka dan kehancuran mereka amatlah dekat!

Seandainya ada Khilafah, sesungguhnya kita tidak akan hanya menikmati juadah berbuka yang banyak dan enak sementara membiarkan saudara-saudara kita di Gaza berbuka dengan bedilan roket dan peluru-peluru Zionis Yahudi. Kita tidak hanya akan duduk bertasbih dan berzikir khusyuk di sudut-sudut masjid meraih manfaat individu, sementara kita membiarkan masjid-masjid di Palestin dikuasai dan dirobohkan oleh Yahudi *laknatullah*. Kita tidak hanya akan menangis pilu di saat berdoa di malam *Qadar* yang sepi, sementara kita membiarkan tangis pilu jutaan anak yatim dan para wanita yang kehilangan sanak saudaranya di seluruh dunia. Sesungguhnya kita akan mengisi dan menghiasi Ramadhan dengan keringat dan darah yang bakal tumpah dengan kemuliaan dan keagungan di medan perang, demi membebaskan saudara-saudara kita yang tertindas dan dizalimi di bahagian mana sekalipun dunia ini.

Seandainya ada Khilafah, umat Islam tidak akan melalui hari-hari di bulan Ramadhan dengan penuh noda dan dosa. Umat Islam tidak akan melaluinya dengan hidangan berbuka yang berlebihan di ruang-ruang berhawa dingin apatah lagi di hotel-hotel mewah, sementara membiarkan ramai saudara-saudara mereka yang terpaksa berbuka dengan segelas air kosong dan sekeping roti. Khalifah tidak akan sekadar mendorong umat Islam untuk memperbanyak sedekah di bulan Ramadhan terhadap orang yang miskin, kerana sedekah, walaupun mendapat pahala, tetapi tidak akan menyelesaikan masalah kemiskinan secara tuntas. Apa yang akan dilakukan oleh Khalifah adalah membuang 'sistem' yang memiskinkan rakyat, iaitu sistem Kapitalis dan menggantinya dengan sistem ekonomi Islam yang akan pasti membawa kesejahteraan kepada umat Islam khususnya dan dunia amnya.

Khalifah akan menerapkan ekonomi syariah yang akan menghentikan praktik-praktik ekonomi kapitalis yang menjerat rakyat dan menjadi jalan yang diambil oleh para pemimpin sekular untuk merompak kekayaan negeri-negeri umat Islam. Praktik perbankan ribawi, saham yang spekulatif, mata wang kertas yang bersandarkan kepada dolar dan sebagainya yang menjadi penyebab utama ketidakstabilan ekonomi akan segera dihentikan. Bersandarkan kepada sistem ekonomi Islam, Khilafah akan membuka dengan luas sektor ekonomi nyata (bukan spekulatif) yang akan menyediakan lapangan kerja kepada umat.

Khilafah juga akan menjamin pemenuhan keperluan asas setiap individu rakyat (makan, pakai dan tempat tinggal) dan menjamin pendidikan dan kesihatan yang percuma untuk rakyat.

Seandainya ada Khilafah, maka umat Islam akan melalui Ramadhan tidak lagi dengan sikap yang hipokrit dan dusta. Kita terlalu sering mendengar secara berulang-ulang umat Islam menyatakan bahawa bulan Ramadhan adalah bulan ketakwaan, tetapi hakikatnya mereka masih tetap bergelumang dengan riba tanpa sedikit pun rasa takut kepada Allah. Ramai yang menyatakan bahawa bulan Ramadhan adalah bulan untuk beribadah, tetapi hakikatnya mereka hanya berdiam diri dengan sistem kufur yang ada sekarang. Ramai yang menyatakan bahawa bulan Ramadhan adalah bulan rahmat, tetapi hakikatnya mereka masih tegar dengan amalan *assabiyyah* dan *wathaniyyah* yang diharamkan oleh Islam. Berulang-ulang kali umat Islam menyatakan bahawa bulan Ramadhan adalah bulan turunnya Al-Qur'an yang harus kita jadikan pedoman hidup, tetapi hakikatnya masih ramai di kalangan umat Islam yang mencampakkan (hukum-hakam) Al-Qur'an. Umat Islam menyatakan bahawa Al-Quran adalah '*hudan linnas*' (petunjuk bagi manusia), tetapi hakikatnya mereka mengabaikan petunjuk ini sepanjang masa.

Inilah yang dikhuatirkan oleh Rasulullah SAW kepada umatnya sebagaimana dinukilkan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran. "*Berkatalah Rasul, 'Ya Tuhanku, sesungguhnya kaumku menjadikan Al-Quran ini sebagai suatu yang diabaikan'*" [TMQ al-Furqan (25):30]. Para *Mufasirin* mengkategorikan banyak sikap dan perilaku kaum Muslimin yang dikatakan sebagai mengabaikan (*mahjuran*) Al-Quran atau mengambalnya secara acuh tak acuh. Di antaranya adalah menolak untuk mengimani dan membenarkannya, tidak *mentadabbur* (melihat dan mengkaji) dan memahaminya, tidak mengamalkan dan tidak mematuhi perintah dan larangannya serta berpaling darinya. Seandainya ada Khilafah, *Insya Allah* hal ini tentu tidak akan terjadi kerana Khilafah akan menjadikan Al-Quran sebagai hukum (undang-undang) negara yang wajib diterapkan dalam segala aspek kehidupan. Khilafah akan melaksanakan sistem pendidikan di mana Al-Quran dan Hadis dijadikan teras pelajaran dan bahasa Arab diwajibkan agar setiap seorang dari umat Islam akan memahaminya Al-Quran. Dengan demikian Al-Qur'an dan As-Sunnah benar-benar menjadi pedoman hidup dan petunjuk bagi umat Islam.

Seandainya ada Khilafah, maka kita akan menyaksikan bukan sekadar pembebasan umat Islam dan tanah-tanah kaum Muslimin dari cengkaman penjajah oleh Sang Khalifah, malah kita akan menyaksikan Khilafah membuka (*futuhat*) negeri-negeri baru yang tidak pernah dibuka oleh umat Islam generasi terdahulu. Kita akan menyaksikan bukan sahaja negara-negara kecil, malah negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dan Eropah ditaklukkan oleh Khilafah. Kita akan menyaksikan pusat Kristian (Rom) akan jatuh ke tangan Islam, sebagaimana dikhabarkan oleh Rasulullah SAW tatkala ditanyakan oleh sahabat "*Di antara dua kota, yang manakah akan dibuka terlebih dahulu, Konstantinople atau Rom?*" *Jawab Rasulullah SAW, 'Konstantinople iaitu kotanya Heraklius'* [HR Ahmad]. Konstantinople telah pun dibuka oleh panglima Islam dan tentera Islam yang terbaik di bawah pimpinan Muhammad al-Fatih setelah lebih 800 tahun janji Rasulullah SAW. Namun kota kedua yang dijanjikan oleh Rasulullah akan dibuka iaitu Rom, masih lagi belum dibuka hingga kini. Siapakah lagi yang akan membuka kota Rom ini dengan *jihad* dan *futuhat*, jika bukan Khilafah yang kedua?

### Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sukarkah untuk kalian memahami bahawa *Deen* Islam ini sesungguhnya telah dikembangkan oleh generasi terdahulu tatkala mereka dipimpin oleh seorang Khalifah melalui jalan dakwah dan jihad ke seantero dunia? Sukarkah untuk kalian memahami bahawa segala kebesaran, kehebatan dan kemuliaan yang diraih oleh umat Islam terdahulu adalah kerana mereka bernaung di bawah Daulah Khilafah yang senantiasa berdakwah dan berjihad membuka negeri-negeri baru dan menerapkan hukum Allah di tanah mana pun yang mereka pijaki? Justeru, fahamilah bahawa hanya dengan adanya Khilafah, maka barulah umat ini akan meraih semula kemuliaannya sebagai umat yang terbaik yang dikeluarkan oleh Allah untuk manusia. Ya Allah! Jadikanlah Ramadhan kami ini yang terakhir tanpa Khilafah....*Amin ya Rabbal Alamin*.